



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Angkatan Tentera (Pindaan) 1978
DR.6/1978

Naskah sah—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi meminda Akta Angkatan Tentera 1972.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1978. Tajuk ringkas.

2. Akta Angkatan Tentera 1972, yang dalam Akta ini disebut sebagai “Akta ibu”, adalah dipinda— Pindaan bagi seksyen 157. Akta 77.

(a) dengan menomborkan semula seksyen 157 sebagai seksyen-kecil (1) seksyen 157; dan

(b) dengan memasukkan selepas seksyen-kecil (1) seksyen 157, seksyen-seksyen-kecil (2) dan (3) yang berikut—

“(2) Walau apapun tarikh yang ditetapkan bagi mula berkuatkuasanya Akta ini menurut seksyen 1 atau peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen-kecil (1) boleh diberi kuatkuasa kebelakangan kepada sesuatu tarikh, sama ada sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini.

(3) Walau apapun tarikh yang ditetapkan bagi mula berkuatkuasanya Akta ini menurut seksyen 1 atau peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Majlis

Angkatan Tentera dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong boleh meminda mana-mana kaedah, peraturan, perintah dan lain-lain suratacara yang dibuat di bawah enakmen dan ordinan yang dimansuhkan oleh seksyen-kecil (1) seksyen 217 di mana perundangan kecil itu masih berkuatkuasa menurut seksyen-kecil (2) seksyen tersebut dan apa-apa pindaan yang dibuat di bawah ini kepada perundangan kecil yang masih berkuatkuasa itu boleh diberi kuatkuasa kebelakangan kepada sesuatu tarikh, sama ada sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini.”.

Pindaan
bagi
seksyen 185.

3. Seksyen 185 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen-kecil (1) dengan yang berikut—

“(1) Pencen, ganjaran atau lain-lain pemberian yang kena dibayar di bawah Akta ini tidak boleh dipindah-hak atau dipindah-milik, kecuali bagi maksud menjelaskan—

(a) hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan atau kepada Kerajaan mana-mana Negeri; atau

(b) perintah mana-mana mahkamah supaya membayar apa-apa jumlah wang bagi menanggung isteri atau bekas isteri atau anak yang belum dewasa, sama ada sahtaraf atau tidak, bagi anggota yang kepadanya pencen, ganjaran atau lain-lain pemberian itu telah dibayar,

dan pencen, ganjaran atau lain-lain pemberian itu tidak boleh ditahan, diasing atau dilevi bagi atau berkenaan dengan apa-apa hutang atau tuntutan lain kecuali bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan (a) dan (b).”.

Pindaan
bagi
seksyen 187.

4. Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menomborkan semula seksyen 187 sebagai seksyen-kecil (1) seksyen 187; dan

(b) dengan memasukkan selepas seksyen-kecil (1) seksyen 187, seksyen-seksyen-kecil (2) dan (3) yang berikut—

“(2) Walau apapun tarikh yang ditetapkan bagi mula berkuatkuasanya Akta ini menurut seksyen 1 atau peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan,

apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen-kecil (1) boleh diberi kuatkuasa kebelakangan kepada sesuatu tarikh, sama ada sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini.

(3) Walau apapun tarikh yang ditetapkan bagi mula berkuatkuasanya Akta ini menurut seksyen 1 atau peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Majlis Angkatan Tentera dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong boleh meminda mana-mana kaedah, peraturan, perintah dan lain-lain suratcara yang dibuat di bawah enakmen dan ordinan-ordinan yang dimansuhkan oleh seksyen-kecil (1) seksyen 217 di mana perundangan kecil itu masih berkuatkuasa menurut seksyen-kecil (2) seksyen tersebut dan apa-apa pindaan yang dibuat di bawah ini kepada perundangan kecil yang masih berkuatkuasa itu boleh diberi kuatkuasa kebelakangan kepada sesuatu tarikh, sama ada sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini.”.

5. Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
bagi
seksyen
206.

(a) dengan menomborkan semula seksyen 206 sebagai seksyen-kecil (1) seksyen 206; dan

(b) dengan memasukkan selepas seksyen-kecil (1) seksyen 206, seksyen-kecil (2) yang berikut—

“(2) Walau apapun tarikh yang ditetapkan bagi mula berkuatkuasanya Akta ini menurut seksyen 1 atau peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, apa-apa kaedah yang dibuat di bawah seksyen-kecil (1) boleh diberi kuatkuasa kebelakangan kepada sesuatu tarikh, sama ada sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini.”.

6. Seksyen-kecil (2) seksyen 217 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
bagi
seksyen-
kecil (2)
seksyen 217.

(a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “peruntukan² sekshen-kechil yang tersebut di-atas” perkataan-perkataan “atau peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan”; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "sehingga peruntukan² lain di-buat di-bawah ini" dengan perkataan-perkataan "sehingga dimansuhkan dengan tertentu."

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 bagi membolehkan perundangan kecil yang dibuat di bawah Akta itu dan di bawah enakmen dan ordinan-ordinan yang dimansuhkan oleh seksyen-kecil (1) seksyen 217 Akta itu berkuatkuasa kebelakangan kepada suatu tarikh sebelum mula berkuatkuasanya Akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berhubung dengan gaji, elaun dan lain-lain emolumen. Laporan Jawatankuasa Pegawai-pegawai mengenai gaji dan had-had dan syarat-syarat perkhidmatan angkatan tentera Malaysia akan dilaksanakan mulai dari 1hb Januari 1976. Tetapi Akta itu mula berkuatkuasa pada 1hb Jun 1976 dan oleh yang demikian terpaksa dipinda dengan sewajarnya.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 157 Akta—

- (a) bagi membolehkan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 157 diberi kuatkuasa kebelakangan kepada sesuatu tarikh sama ada boleh sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta itu, dan
- (b) bagi membolehkan Majlis Angkatan Tentera dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong meminda perundangan kecil yang dibuat di bawah enakmen dan ordinan-ordinan yang dimansuhkan oleh seksyen-kecil (1) seksyen 217 Akta tetapi masih berkuatkuasa menurut seksyen-kecil (2) seksyen itu.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 185 Akta itu supaya pencen, ganjaran atau lain-lain pemberian yang kena dibayar di bawah Akta tidak boleh dipindah-hak, dipindah-milik, ditahan, diasingkan atau dilevi kecuali setakat yang dibenarkan.

Fasal-fasal 4 dan 5 masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen-seksyen 187 dan 206 Akta bagi maksud-maksud serupa seperti yang disebutkan dalam *fasal 2*.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen-kecil (2) seksyen 217 Akta bagi membolehkan perundangan kecil yang dibuat di bawah enakmen dan ordinan-ordinan yang dimansuhkan oleh seksyen-kecil (1) seksyen tersebut berkuatkuasa seterusnya sehingga dimansuhkan dengan tertentu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan, yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang.

[PN. (PU²) 678.]